

7

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**  
**TARIKH : 6 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 12**

**YB Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan perubatan yang masih belum mendapat penempatan sehingga kini dan menjelaskan prosedur tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dianggarkan seramai 5,769 graduan mengikuti Program Perubatan dari Universiti Awam/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPT) dalam negara dan luar negara pada tahun 2017. Jumlah ini meliputi graduan perubatan dari 31 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara di mana ia dijangka terus meningkat selain dari graduan dari luar negara yang turut menyumbang kepada peningkatan jumlah graduan perubatan.

Pada masa ini, jumlah slot/ tempat latihan siswazah adalah sebanyak 11,025 di 45 hospital latihan siswazah di seluruh negara. Selain itu, PPS juga boleh menjalani latihan siswazah di 30 Klinik Kesihatan terpilih di

8

seluruh negara bagi *posting* kesihatan *primer*. Bagi menampung bilangan graduan perubatan, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha meningkatkan lagi bilangan Hospital Latihan Siswazah dan Klinik Kesihatan untuk menempatkan PPS. Pertambahan bilangan Hospital Latihan Siswazah akan dilaksanakan dari masa ke semasa di mana slot penempatan PPS ini ditentukan berdasarkan kapasiti Hospital Latihan Siswazah dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Bagi menjawab pertanyaan dari **Ahli Yang Berhormat Pasir Mas**, sehingga September 2017, seramai 3,613 graduan perubatan yang memperolehi pendaftaran sementara dari Majlis Perubatan Malaysia dan lulus temuduga oleh SPA telah diberi penempatan dan memulakan latihan siswazah secara berfasa. Manakala, seramai 1,663 orang calon yang memohon dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan melepasi tapisan sehingga 13 Ogos 2017 masih menunggu penempatan di KKM. Pengambilan Pegawai Perubatan Gred UD41 di KKM dilaksanakan secara berfasa, iaitu setiap dua (2) bulan sekali. Walaupun begitu, penempatan mereka adalah tertakluk kepada kekosongan slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, prosedur pelantikan dan penempatan PPS adalah seperti berikut:

- (i) graduan perubatan yang telah lulus peperiksaan tahun akhir perlu terlebih dahulu membuat permohonan dan mendapat surat pertimbangan Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

- 9
- (ii) graduan memohon pelantikan secara kontrak sebagai Pegawai Perubatan Gred UD41 secara atas talian melalui laman web SPA.
  - (iii) senarai calon yang berjaya akan dimaklumkan oleh SPA kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
  - (iv) KKM akan melaksanakan penempatan latihan siswazah melalui Sistem e-housemen berdasarkan giliran dan turutan tarikh permohonan dengan SPA. Calon-calon diberikan kebebasan untuk membuat pilihan penempatan tertakluk kepada kekosongan slot penempatan latihan siswazah berasaskan prinsip "*first come, first served*" (dengan izin).

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN  
AHMAD [MERSING]**  
**TARIKH** : **6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**  
**SOALAN** : **13**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapakah pembangunan R&D di Malaysia masih terlalu bergantung kepada pembiayaan Kerajaan dan apakah sumbangan pihak swasta selaras dengan trend di negara maju ketika ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangun dan merencanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah penyediaan dana kepada sektor awam dan swasta, bermula dari peringkat penyelidikan asas sehinggalah ke peringkat pengkomersialan. Pada masa yang sama, sektor swasta juga memainkan peranan yang penting bagi menyokong aktiviti R&D negara.

Berdasarkan Kajian R&D Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pada tahun 2015 Perbelanjaan Kasar R&D atau *Gross Expenditure on R&D* (GERD) adalah sebanyak RM15,058 juta. Daripada jumlah keseluruhan GERD tersebut, 51.95% atau bersamaan dengan RM7,823.5 juta disumbangkan oleh sektor perniagaan/swasta. Trend ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan 45.66% pada tahun 2014 bernilai RM6,379.10 juta.

Berdasarkan *ranking* peringkat antarabangsa, dari segi peratusan Perbelanjaan Kasar R&D terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (GERD/GDP), Malaysia berada pada kedudukan 29 daripada 63 negara yang dinilai iaitu pada paras peratusan 1.30%. Negara-negara maju seperti Jepun berada pada kedudukan ketiga (3.29%) dan Amerika Syarikat pada kedudukan 11 (2.79%). Manakala negara-negara ASEAN seperti Singapura berada pada kedudukan 13 (2.34%), Thailand pada kedudukan 47 (0.62%) dan Indonesia pada kedudukan 56 (0.20%).

Dari segi peratusan Perbelanjaan Sektor Perniagaan/Swasta terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (BERD/GDP) pula, Malaysia diletakkan pada kedudukan 28 daripada 63 negara yang dinilai iaitu pada paras peratusan 0.68%. Negara-negara lain seperti Korea berada pada kedudukan kedua (3.27%), Jepun pada kedudukan ketiga (2.58%), Singapura pada kedudukan 16 (1.43%), Thailand pada kedudukan 37 (0.43%) dan Indonesia pada kedudukan 57 (0.05%).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Usaha akan terus dilaksana bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam industri yang mempunyai potensi dan nilai tambah kepada pembangunan ekonomi negara. Hasrat ini selaras dengan Teras 3 Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu Menggiat dan Mencergaskan Industri melalui penglibatan sektor swasta dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Sekian, terima kasih.